

Sindiket dadah lumpuh, lebih 150kg dadah dirampas di P.Pinang

Posted on February 10, 2015, Tuesday

GEORGE TOWN: Polis berjaya melumpuhkan sindiket dadah yang aktif di negeri-negeri utara semenanjung sejak dua tahun lepas apabila membongkar sebuah makmal dadah dan menahan empat individu dalam serbuan di Sungai Pinang dan Jelutong di sini.

Sebanyak 152.3 kilogram (kg) heroin dan 1.99kg syabu bernilai RM5 juta dirampas dalam operasi khas Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Pulau Pinang, Khamis lepas itu.

Ketua Polis Pulau Pinang Datuk Abdul Rahim Hanafi dalam sidang akhbar di sini semalam berkata antara yang ditahan dalam operasi bermula 1 tengah hari itu ialah pasangan suami isteri.

“Sindiket itu membungkus dadah berkenaan seperti bungkusan nasi kandar bagi mengaburi mata pihak berkuasa dan berdasarkan siasatan terdapat beberapa lagi anggota mereka yang masih bebas, usaha mengesan giat dijalankan.

“Berdasarkan siasatan kami, dadah yang dirampas itu mampu menampung permintaan 700,000 penagih,” katanya.

Beliau berkata tiga lelaki dan seorang wanita berusia antara 35 dan 57 tahun itu ditahan dalam serbuan di kondominium di Lebu Sungai Pinang, di sini yang turut dijadikan makmal memproses dadah.

Dalam serbuan di unit kondominium yang dilengkapi CCTV dan sistem keselamatan itu, polis merampas sejumlah dadah heroin; kafein dan pelbagai bahan kimia serta peralatan memproses dadah.

Dua daripada empat yang ditahan itu bekerja sebagai peniaga dan kesemua mereka kini direman sehingga Rabu ini bagi membantu siasatan, katanya.

Abdul Rahim berkata susulan penahanan itu, polis menyerbu sebuah lagi rumah di Taman Tembaga, Jelutong, milik seorang daripada mereka yang ditahan itu dan merampas sejumlah dadah heroin serta syabu.

Polis menyita lima kenderaan milik anggota sindiket itu antaranya Mercedes Benz, Volkswagen Beetle dan Mitsubhisi Attrage serta sebuah Vespa.

“Kami turut merampas wang tunai sebanyak RM46,326.20 serta menyita wang dalam akaun mereka sebanyak RM373,890.91. Jumlah keseluruhan nilai sitaan ialah RM792,717.11,” katanya. —
Bernama